



CADANGAN PINDAAN ATURAN-ATURAN KOPERASI

A CADANGAN PINDAAN ATURAN KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN KREDIT

FASAL	ASAL	CADANGAN PINDAAN	RASIONAL
16	<p>Bayaran Pengurusan</p> <p>Fee Proses sebanyak sepuluh peratus (10%) hendaklah diambil daripada KWPK oleh Koperasi ini sebagai bayaran pengurus Kumpulan Wang ini setiap tahun.</p>	<p>Wakalah Fee</p> <p>Fee Proses sebanyak sepuluh peratus (10%) hendaklah diambil daripada KWPK oleh Koperasi ini sebagai bayaran pengurus Kumpulan Wang ini setiap tahun.</p>	

B CADANGAN PINDAAN ATURAN KUMPULAN WANG DERMA KEMATIAN

FASAL	ASAL	CADANGAN PINDAAN	RASIONAL
7	<p>Kelayakan</p> <p>Kumpulan Wang Derma Kematian ini akan digunakan bagi membayar derma kematian kepada yang layak seperti berikut:-</p> <p>(i) Anggota dan pekerja Koperasi,</p> <p>(ii) Isteri atau suami dan pekerja Koperasi; (isteri dalam konteks ini ialah isteri pertama sahaja)</p>	<p>Kelayakan</p> <p>Kumpulan Wang Derma Kematian ini akan digunakan bagi membayar derma kematian kepada yang layak seperti berikut:-</p> <p>(i) Anggota dan pekerja Koperasi,</p> <p>(ii) Isteri atau suami dan pekerja Koperasi; <i>(isteri atau suami di sini merujuk kepada isteri atau suami yang pertama kalinya dikahwini oleh anggota dan/atau pekerja Koperasi dan status perkahwinan pasangan suami atau isteri tersebut dengan anggota dan/atau pekerja Koperasi masih sah sewaktu kematiannya.</i></p> <p>(iii) <i>Pembayaran untuk wang derma bagi kematian pasangan suami atau isteri kepada anggota dan/atau pekerja Koperasi seperti yang dinyatakan di perenggan 7 (a) (ii) hanya boleh dituntut dan hanya akan dibayar sekali sahaja kepada anggota dan/atau pekerja Koperasi tersebut sepanjang tempoh keanggotaannya atau perkhidmatan bekerja dengan Koperasi.</i></p>	

**C****CADANGAN PINDAAN ATURAN YURAN ANGGOTA**

FASAL	PERKARA	ASAL	CADANGAN PINDAAN
7	Pengeluaran 80 peratus daripada yuran	<p>1) Anggota-anggota yang telah bersara boleh mengeluarkan yurannya tidak lebih lapan puluh peratus (80%) daripada jumlah yurannya yang ada dalam Koperasi ini dengan syarat pada tarikh mula persaraannya semua hutang-hutang telah dijelaskan atau diperlaraskan daripada lapan puluh peratus (80%) yurannya yang akan dikeluarkan dan beliau juga boleh kekal sebagai anggota Koperasi ini dengan meneruskan bayaran yuran minima menurut fasal 4(2).</p>	<p>1) Anggota-anggota yang telah bersara boleh <i>membuat pengeluaran yuran untuk jumlah tidak melebihi lapan puluh peratus (80%) jumlah yurannya yang ada dalam Koperasi tertakluk kepada syarat, kesemua hutang-hutangnya dengan Koperasi telah dijelaskan atau diperlaraskan daripada lapan puluh peratus (80%) yurannya yang akan dikeluarkan dan beliau juga boleh kekal sebagai anggota Koperasi ini dengan meneruskan bayaran yuran minima menurut fasal 4(2).</i></p> <p>2) <i>Anggota-anggota yang telah berhenti atau diberhentikan daripada perkhidmatan Kerajaan boleh membuat pengeluaran yuran untuk jumlah tidak melebihi lapan puluh peratus (80%) jumlah yurannya yang ada dalam Koperasi pada umur lima puluh lima (55) tahun tertakluk kepada syarat kesemua hutang-hutangnya dengan Koperasi telah dijelaskan atau diperlaraskan daripada lapan puluh peratus (80%) yurannya yang akan dikeluarkan dan beliau juga boleh kekal sebagai anggota Koperasi ini dengan meneruskan bayaran yuran minima menurut fasal 4(2).</i></p> <p>3) <i>Pengeluaran yuran kali kedua boleh juga dibuat tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-</i></p> <ul style="list-style-type: none">a) <i>Pengeluaran hanya boleh dilakukan selepas lima tahun dari tarikh pengeluaran yang pertama.</i>b) <i>Baki yuran terkumpul mestilah tidak kurang daripada RM5,000.00 selepas pengeluaran kali kedua.</i>



FASAL	ASAL	CADANGAN PINDAAN	RASIONAL
	<p>TAFSIRAN</p> <p>2. Dalam peraturan ini melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang berlainan maksudnya maka:-</p> <p>(1) Tiada</p> <p>JENIS-JENIS PEMBIAYAAN PEKERJA</p> <p>4. Jenis-jenis pembiayaan pekerja yang dikeluarkan ialah:-</p> <p>(a) Al Qard;</p> <p>(b) Al Bai U Bithaman Aajil; dan</p> <p>(c) Al Bai Al Inah</p> <p>(d) Tiada</p> <p>JAMINAN BAYARAN BALIK</p> <p>10. (1) Pembiayaan yang diberi mestilah dijamin oleh dua (2) orang atau lebih penjamin yang berkelayakan terdiri dari anggota Koperasi dan seorang pekerja Koperasi ini.</p> <p>(2) Sekurang-kurangnya seorang penjamin hendaklah menanggung kesemuanya dari pembiayaan itu. Jika tiada boleh didapati penjamin yang kedua bagi menanggung kesemua jumlah pembiayaan, maka menurut timbangannya sendiri Lembaga bolehlah menerima dan membenarkan dua orang atau lebih penjamin menanggung antara mereka kesemuanya pembiayaan itu.</p> <p>(3) Keperluan untuk mengadakan penjamin atau bilangan penjamin yang diperlukan adalah terserah kepada budibicara Lembaga untuk menentukan.</p>	<p>TAFSIRAN</p> <p>2. Dalam peraturan ini melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang berlainan maksudnya maka:-</p> <p>(1) <i>“Tawarruq”</i> maknanya satu bentuk jual beli yang melibatkan pembelian sesuatu barang komoditi secara tangguh daripada satu pihak dan kemudiannya menjual barang komoditi tersebut kepada pihak ketiga dengan harga tunai bagi mendapatkan tunai;</p> <p>JENIS-JENIS PEMBIAYAAN PEKERJA</p> <p>4. Jenis-jenis pembiayaan pekerja yang dikeluarkan adalah berdasarkan konsep:-</p> <p>(a) Al Qard;</p> <p>(b) Al Bai U Bithaman Aajil;</p> <p>(c) Al Bai Al Inah; dan</p> <p>(d) <i>At Tawarruq</i>.</p> <p>JAMINAN BAYARAN BALIK</p> <p>10. (1) <i>Pembiayaan yang diberi mestilah dijamin oleh dua (2) orang atau lebih penjamin yang berkelayakan terdiri dari anggota Koperasi dan seorang pekerja Koperasi ini.</i></p> <p>(2) Sekurang-kurangnya seorang penjamin hendaklah menanggung kesemuanya dari pembiayaan itu. Jika tiada boleh didapati penjamin yang kedua bagi menanggung kesemua jumlah pembiayaan, maka menurut timbangannya sendiri Lembaga bolehlah menerima dan membenarkan dua orang atau lebih penjamin menanggung antara mereka kesemuanya pembiayaan itu.</p> <p>(3) Keperluan untuk mengadakan penjamin atau bilangan penjamin yang diperlukan adalah terserah kepada budibicara Lembaga untuk menentukan.</p>	<p>Pindaan ini bertujuan untuk memperlaskan aturan supaya selari dengan Pembiayaan Anggota dan bagi membolehkan koperasi mengawal pengeluaran dengan berkesan.</p>



E CADANGAN PINDAAN ATURAN PEMBIAYAAN AR RAHNU TAWARRUQ

ATURAN-ATURAN AR-RAHNU PEMBIAYAAN AR RAHNU TAWARRUQ

TAJUK

1. (1) Aturan ini adalah dinamakan aturan-aturan Ar Rahnu (Pajak Gadai Islam) Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad.
- (2) Aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 44(2)(x) dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini dan satu salinan aturan ini dikemukakan kepada Suruhanjaya.

TAFSIRAN

2. Dalam aturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain.
 - (a) “Koperasi” ertinya Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad
 - (b) “Ar Rahnu” ertinya institusi yang menjalankan perniagaan *Pajak Gadai* secara Islam berasaskan gabungan tiga kontrak *tawarruq* (pembiayaan), rahn (cagaran) dan wadiah (simpanan). Pembiayaan Ar Rahnu merupakan *Pajak Gadai Islam* jangka pendek yang memberikan kemudahan tunai secara segera kepada pelanggan menggunakan barang kemas sebagai cagaran ke atas pembiayaan diberikan.
 - (c) “pelanggan” ertinya seseorang pengadai yang menyerahkan sesuatu barang (marhun) sebagai cagaran untuk memperolehi pembiayaan kewangan *daripada* Ar Rahnu Koperasi.
 - (d) “marhun” ertinya barang cagaran yang diperbuat daripada emas di mana kandungan emas *tulen* melebihi 75%.
 - (e) “Lembaga” ertinya ~~Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad~~ badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.
 - (f) “cagaran” ertinya nilai marhun yang diterimapakai oleh pihak Koperasi bagi menjamin *pembiayaan* yang diluluskan.
 - (g) “Tawarruq” ertinya satu transaksi jual beli komoditi secara Murabahah yang berasaskan bayaran tangguh daripada penjual kepada pembeli, dan kemudiannya komoditi tersebut akan dijual semula tunai kepada pihak ketiga (selain daripada penjual asal) bagi mendapat tunai.
 - (h) “Rahn” ertinya satu kontrak di mana satu pihak sebagai pencagar (“rahin”) membuat gadaian ke atas aset sebagai cagaran (“marhun”) bagi memenuhi liabiliti keterhutangan kepada pihak penerima cagaran (“Murtahin”) sekiranya berlaku kegagalan di pihak pencagar dalam memenuhi keberhutangan tersebut.



- (i) “Wadi’ah” ertinya kontrak simpanan di mana pemilik menyerahkan emas kepada penyimpan untuk disimpan di tempat yang selamat.
- (j) “Murabahah” ertinya transaksi pembelian dan penjualan di mana harga kos aset dan margin keuntungan telah *diketahui oleh* pembeli dan dipersetujui oleh pihak yang berkontrak. Pembayaran harga jualan boleh dibuat secara penuh atau secara tangguh.
- (k) “Ibra” ertinya rebat @ diskaun diberi kepada pelanggan yang membuat penyelesaian awal bagi keseluruhan baki pembiayaan sebelum tempoh pembiayaan tamat @ matang.

TUJUAN

3. (a) Ar Rahn diwujudkan adalah untuk membolehkan Koperasi memberi perkhidmatan dan faedah kepada anggota-anggotanya dan juga seluruh rakyat Malaysia yang memerlukan perkhidmatan pajak gadai atas landasan yang selari dan sesuai dengan syariat Islam.
- (b) Ar Rahn juga memberi perkhidmatan penyimpanan barang kemas mengikut syarat-syarat dan tempoh yang akan ditentukan oleh Lembaga.

PEMBIAYAAN AR RAHNU

4. (a) Pembiayaan Ar Rahn yang diberikan oleh koperasi kepada pelanggan adalah berasaskan penggabungan kontrak tawarruq, rahn dan wadi’ah dengan berlandaskan piawaian Syariah dengan sokongan platform Bursa komoditi dan kewangan patuh Syariah.
- (b) Pembiayaan Ar Rahn merupakan kemudahan *Pajak Gadai Islam* jangka pendek yang memberi kemudahan *pembiayaan* tunai segera kepada pelanggan *menggunakan* marhun sebagai cagaran ke atas pembiayaan yang diberi.

KONSEP TAWARRUQ

5. (a) *Kontrak* tawarruq adalah satu transaksi jual beli komoditi secara Murabahah yang berasaskan bayaran tangguh daripada penjual kepada pembeli, dan kemudiannya komoditi tersebut akan dijual semula kepada pihak ketiga (selain daripada penjual asal) bagi mendapat tunai.
- (b) Bagi pelaksanaan transaksi tawarruq pelanggan bersetuju melantik Koperasi sebagai wakil dan koperasi menerima lantikan tersebut berdasarkan konsep syariah.
- (c) Pembiayaan Ar Rahn yang diberikan oleh koperasi kepada pelanggan adalah berasaskan penggabungan kontrak tawarruq, rahn dan wadi’ah dengan berlandaskan piawaian Syariah dengan sokongan platform Bursa komoditi dan kewangan patuh Syariah.



KELAYAKAN MEMAJAKGADAI MEMOHON

6. Kemudahan-kemudahan pinjaman-pembiayaan ini terbuka kepada anggota Koperasi dan juga seluruh rakyat Malaysia.

SANDARAN CAGARAN

7. Hanya marhun sahaja yang boleh diterima sebagai sandaran-kepada-gadaian cagaran bagi pembiayaan yang diluluskan.

KESAHIHAN HAKMILIK

8. Penggadai Pelanggan adalah bertanggungjawab sepenuhnya atas kesahihan milik marhun yang digadai dicagar dan jika ada pihak ketiga yang menuntut hak milik marhun berkenaan, maka pihak Ar Rahnu tidak akan bertanggungjawab dan pihak Ar Rahnu boleh menuntut kerugian yang dialami daripada pihak penggadai-pelanggan.

HAD PINJAMAN PEMBIAYAAN

9. Amaun pinjaman pembiayaan yang boleh diberikan hendaklah tidak lebih daripada 80% daripada nilai emas semasa yang dipajak gadai, tertakluk kepada maksima sebanyak RM100,000.00 (Ringgit Malaysia Seratus ribu sahaja). Ar Rahnu berhak mengurangkan had maksima ini dalam keadaan yang difikirkan munasabah.

TEMPOH PAJAK GADAI PEMBIAYAAN

10. Tempoh pajak-gadai pembiayaan ialah enam-bulan dua belas bulan tetapi-penggadai boleh memohon untuk-timbangan-lanjutan-tempoh-tambahan yang tidak melebihi empat-bulan dengan syarat ia membayar semua upah-keuntungan-bagi-tempoh-telah-lanjut-terdahulu sebelum menggadai-semula.

UPAH SIMPAN

10. Upah simpan akan ditentukan seperti berikut:
 - (a) Bayaran upah simpan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Ar-Rahnu mengikut keadaan semasa.
 - (b) Bagi marhun yang dilelong, upah simpan yang dikenakan adalah bermula dari tarikh gadai hingga tarikh lelong.
 - (c) Bayaran upah simpan atas barang kemas yang disimpan tanpa pinjaman pula akan ditentukan oleh Lembaga mengikut keperluan Koperasi.

KADAR KEUNTUNGAN

11. Kadar keuntungan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Ar-Rahnu mengikut keadaan dari semasa ke semasa. *Kadar keuntungan adalah di atas nilai marhun.*

Ar-Rahnu Menggunakan Konsep Tawarruq

PRODUK	Had Pembiayaan (RM)	MARGIN PEMBIAYAAN (didarab daripada nilai marhun)	Peratus (%) kadar keuntungan
AR-RAHNU	RM 2,000.00 Pertama	80%	0.60%
Tawarruq	RM 2,001.00 dan ke atas	80%	0.75%

Contoh pengiraan :

- Peratus kadar keuntungan = 0.60 %
- Nilai marhun = **RM 1,000**
- Jumlah pembiayaan Pokok (*nilai marhun x margin pembiayaan*) = **RM 800**
- Tempoh pembiayaan = 12 Bulan
- Kadar kos pengurusan (sebulan) = RM 2.00
- Fi Tawarruq merujuk kepada bayaran yang dikenakan bagi penggunaan platform BSAS untuk Transaksi tawarruq iaitu RM 15.00 untuk jumlah transaksi RM1,000,000.00

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Keuntungan} &= \text{Nilai Marhun} \times \% \text{ Kadar Keuntungan} \times \text{Tempoh Pembiayaan} \\ &= \text{RM } 1,000.00 \times 0.60\% \times 12 \\ &= \text{RM } 72.00 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Pembiayaan Pokok} &= \text{Jumlah Pembiayaan} + \text{Jumlah Keuntungan} + (\text{Kadar Kos Pengurusan} \times \text{Tempoh Pembiayaan}) \\ &= \text{RM } 800.00 + \text{RM } 72.00 + (\text{RM } 2.00 \times 12 \text{ Bulan}) \\ &= \text{RM } 872.00 + \text{RM } 24.00 \\ &= \text{RM } 896.00 \text{ (*tidak termasuk fi tawarruq)} \end{aligned}$$

BAYARAN PENTADBIRAN KADAR KOS PENGURUSAN

12. Tiap-tiap urusan pajak gadai pembiayaan yang diluluskan akan dikenakan bayaran pentadbiran kos pengurusan sebanyak RM1.00 (Ringgit Malaysia satu sahaja). RM2.00 (Ringgit Malaysia dua sahaja) sebulan.

BURSA KOMODITI DAN KEWANGAN PATUH SYARIAH

13. Tiap-tiap kelulusan pembiayaan adalah tertakluk kepada transaksi tawarruq yang diuruskan oleh platform komoditi Bursa Suq Al Sila' (BSAS) dan kewangan patuh Syariah yang dilantik oleh Ar Rahnu Koperasi. Bayaran yang dikenakan oleh Bursa berkenaan bagi transaksi tersebut akan dicaj kepada pelanggan.

PERATURAN MEMAJAK GADAI PEMBIAYAAN AR RAHNU

14. Peraturan-peraturan memajak gadai pembiayaan Ar Rahnu adalah seperti berikut:-
 - (a) Tiap-tiap pemajak gadai yang hendak mengendalikan urusan pajak gadai pelanggan perlu mengisi maklumat peribadi di dalam borang permohonan yang disediakan dan menyerahkan marhun serta kad pengenalan kepada teller-Pembantu Tadbir di kaunter jualan.





- (b) Marhun yang diserahkan akan dinilai harganya oleh *pihak* Ar Rahnu mengikut harga emas semasa.
- (c) Pemajak ~~gadai~~ Pelanggan berhak mendapat harga hanya sebanyak tidak lebih daripada lapan puluh peratus (80%) daripada nilai marhun tertakluk kepada aturan 89.
- (d) Dalam menentukan nilai harga marhun batu permata seperti berlian, delima, zamrud dan lain-lain jenis batu permata tidak diambil kira.
- (e) Nilai harga marhun yang ditetapkan oleh *pihak* Ar Rahnu adalah muktamad.
- (f) Harga marhun akan dicagarkan oleh pelanggan bagi memohon pembiayaan Ar Rahnu
- (g) Setelah amaun pembiayaan dipersetujui oleh pelanggan dan Ar Rahnu, dan ijab kabul disempurnakan, pelanggan akan diberi Surat Gadai/~~Surat sambung gadai yang dimaksudkan di sini adalah seperti Contoh di lampiran 1A dan 1B.~~ dan perjanjian pembiayaan *Ar Rahnu* untuk *ditandatangani* dan satu salinan akan diberi kepada pelanggan untuk simpanan
- (h) Surat Gadai hendaklah disimpan untuk tujuan menebus; jika hilang atau terbakar atau rosak yang menyebabkannya tidak boleh dibaca, pelanggan hendaklah melaporkan kepada Ar Rahnu. *Ar Rahnu akan mengeluarkan surat gadaian ke dua bagi menggantikan surat gadai hilang.* Resit yang dimaksudkan di sini adalah seperti contoh di lampiran HA. Resit ini hanya sah digunakan sebagai ganti Surat Gadai yang telah hilang sekiranya dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh aduan kehilangan ini dibuat pemajak ~~gadai menyerahkan kepada Ar Rahnu satu surat sumpah yang sempurna ditandatangani oleh Pesuruhjaya Sumpah.~~ Surat Sumpah yang dimaksudkan di sini adalah seperti contoh di lampiran HB.
- (i) Pelanggan bersetuju mengisi borang pelantikan wakil bagi mewakili kepada pihak *Ar Rahnu* sebagai wakil dan *Ar Rahnu* menerima *lantikan* tersebut. Pelantikan ini perlu bagi prosedur pelaksanaan transaksi tawarruq
- (j) Pembayaran tunai kepada pelanggan hanya akan dibuat di kaunter Ar Rahnu setelah transaksi tawarruq selesai.

PERATURAN MENEBUS GADAIAN PEMBIAYAAN SEMULA AR RAHNU

15. (a) *Pembiayaan semula merujuk kepada pelanggan yang ingin menambah jumlah pembiayaan sedia ada atau melanjutkan tempoh bayaran balik pembiayaan. Syarat-syarat pembiayaan semula Ar Rahnu adalah seperti berikut:-*
- (i) *Jumlah pembiayaan semula perlu melebihi dari baki pembiayaan lama. Sekiranya jumlah pembiayaan semula kurang dari pembiayaan lama, pelanggan harus membayar terlebih dahulu untuk mengurangkan baki pembiayaan lama.*
 - (ii) *Tempoh bayaran balik untuk pembiayaan semula adalah 12 bulan*
- (b) *Proses kelulusan pembiayaan semula adalah sama seperti proses pembiayaan Ar Rahnu aturan 14 (a) sehingga 14 (j).*



16. Peraturan-peraturan menebus pajak gadaian marhun Penyelesaian pembiayaan Ar Rahnu adalah seperti berikut:-

- (a) Pemajak gadaai adalah berhak menebus marhunnya Pelanggan adalah berhak menyelesaikan pembiayaannya pada bila-bila masa sebelum tempoh enam (6) bulan atau mana-mana tempoh tambahan yang diberi oleh Ar Rahnu tamat.
- (b) Pelanggan yang membuat penyelesaian awal dari tempoh/akhir matang layak mendapat rebat (Ibra'). Pengiraan rebat adalah seperti berikut;

Rebat (Ibra') = Keuntungan Terakru

- (c) Caj pembayaran lewat (Ta'widh) dikenakan kepada pelanggan yang gagal membayar selepas tempoh matang/akhir pembiayaan tamat iaitu pada bulan ke-13 dan berikutnya. Pelaksanaan caj pembayaran lewat tertakluk kepada syarat berikut;
 - (i) Caj pembayaran lewat tidak boleh dikompaunkan
 - (ii) Jumlah caj pembayaran lewat tidak boleh melebihi amaun pokok pembiayaan
 - (iii) Kadar caj pembayaran lewat tidak boleh melebihi 1%

Pengiraan Caj pembayaran lewat;

Kadar Caj pembayaran lewat x jumlah ans bulanan x bilangan bulan tunggakan

- (d) Pelanggan akan memperolehi kembali marhunnya yang dicagar setelah penyelesaian pembiayaan Ar Rahnu dibuat.
- (e) Pemajak gadaai Pelanggan juga boleh membayar balik pinjaman pembiayaan secara ansuran bulanan sebelum tarikh pembiayaan tamat atau matang.
- (f) Pemajak gadaai Pelanggan hendaklah menyerahkan Surat Gadai di kaunter untuk disemak kesahihannya sebelum marhun ditebus penyelesaian pembiayaan.
- (g) Mana-mana pemajak gadaai pelanggan yang tidak berupaya untuk hadir sendiri bagi menebus gadaai marhunnya membuat penyelesaian pembiayaannya di atas sebab-sebab yang munasabah ia bolehlah melantik seorang wakil untuk membuat demikian.
- (h) Jika pemajak gadaai telah pelanggan meninggal dunia, penama bolehlah menebus gadaikan balik marhun yang dicagar membuat penyelesaian pembiayaan dengan syarat ia mengemukakan Surat Mentadbir pesaka pemajak gadaai pelanggan berkenaan.

LELONGAN

17. Peraturan-peraturan perlelongan adalah seperti berikut:-

- (a) Jika pemajak gadaai tidak menebus marhunnya pelanggan tidak menyelesaikan jumlah pembiayaan setelah tempohnya tamat, maka Ar Rahnu berhak melelong marhun berkenaan.
- (b) Lelongan akan dilakukan oleh jurulelong berlesen yang dilantik oleh koperasi berdasarkan senarai panel yang sedia ada mengikut peraturan biasa atau mengikut kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang difikirkan sesuai oleh Ar Rahnu.



- (c) Sebelum tindakan melelong diambil, pemajak gadai pelanggan akan diberi Notis secara bertulis mengenai tindakan ini untuk diberi peluang bagi menebuskan marhunnya menyelesaikan jumlah pembiayaannya. Notis tersebut adalah seperti contoh di lampiran IV.
- (d) Satu iklan mengenai perlelongan tersebut juga akan dikeluarkan di surat khabar tempatan dan *media sosial* bagi pengetahuan pemajak gadai pelanggan berkenaan. Iklan tersebut adalah seperti contoh di lampiran V.
- (e) Jika tidak ada penebusan-penyelesaian jumlah pembiayaan dilakukan selepas 14 hari dari tarikh notis subseksyen 14(e)-16(c) di atas, lelongan akan dijalankan.
- (f) Harga lelongan marhun tersebut akan dimulakan dengan satu amaun yang tidak kurang daripada harga semasa bagi emas terpakai.
- (g) Wang hasil dari lelongan akan digunakan untuk membayar amaun yang terhutang, kos lelongan dan lain-lain kos, jika ada, dan bakinya perlu dituntut oleh pemajak gadai pelanggan sejurus menerima notis menuntut lebih wang lelongan. Wang hasil dari lelongan yang tidak dituntut selepas ditolak kos yang tersebut di atas yang melebihi tempoh dua (2) tahun akan dihantar kepada Kumpulan Wang Tidak Dituntut Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Notis yang dimaksudkan di sini adalah seperti contoh di lampiran VI.
- (h) Pelanggan boleh membuat tuntutan wang lebih dari lelongan selepas tarikh lelong akan diuruskan melalui Baucer Wang Baki Lelong boleh dibuat di kaunter. Baucer yang dimaksudkan di sini adalah seperti Contoh di lampiran VII.
- (i) Pemajak gadai Pelanggan adalah berhak untuk memeriksa rekod lelongan dan penyata kewangan berkenaan dengannya. Hibah yang diperolehi dari bank hasil simpanan bulanan wang lebih lelongan yang belum dituntut oleh pelanggan dan belum diserahkan kepada Kumpulan Wang Tidak Dituntut boleh digunakan sebagai pendapatan koperasi berdasarkan kontrak Wakalah Ghir Muqayyah sehingga tuntutan dibuat sepenuhnya oleh pelanggan.

TANGGUNGJAWAB AR RAHNU

18. Ar Rahnū mengambil tanggungjawab sepenuhnya di atas kerahsiaan urusan niaga dan keselamatan marhun termasuk mengambil perlindungan *Takaful* yang secukupnya semasa marhun itu berada di dalam simpanannya.

PENGURUSAN AR RAHNU

19. Pengeloaan hal ehwal Ar Rahnū dijalankan oleh sebuah jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga seperti berikut:-
- (a) Keahlian Jawatankuasa Ar Rahnū adalah seperti berikut:-
 - (i) Seorang pengerusi yang dilantik dari kalangan anggota-anggota Lembaga;
 - (ii) Empat orang ahli atau lebih boleh dilantik dari kalangan anggota Lembaga dan anggota biasa dan wakil pendeposit (penyumbang modal luaran).
 - (b) Pegawai atau kakitangan Ar Rahnū tidak boleh menjadi ahli Jawatankuasa Ar Rahnū.



- (c) Tempoh memegang jawatan ahli Jawatankuasa Ar Rahnu adalah seperti berikut:-
- (i) Tertakluk kepada perenggan (ii) Aturan Kecil ini semua ahli Jawatankuasa Ar Rahnu akan memegang jawatan selama *tiga (3)* tahun melainkan keahliannya ditamatkan lebih awal oleh pihak yang berkuasa melantiknya.
 - (ii) Ahli Jawatankuasa Ar Rahnu yang dilantik akan mengosongkan jawatannya selepas tamat tempoh tiga tahun dan layak untuk dilantik semula.
 - (iii) Ahli Jawatankuasa daripada wakil pendeposit (penyumbang modal luaran) gugur keahlian secara automatik apabila modal dikeluarkan daripada Ar Rahnu.
- (d) Jawatankuasa Ar Rahnu adalah diberi kuasa untuk melantik atau menamatkan perkhidmatan pegawai dan kakitangan Ar Rahnu mengikut pertimbangan dan keperluannya.

MODAL

20. *Hal Ehwal* Ar Rahnu bersabit dengan modal adalah seperti berikut:-
- (a) Modal untuk menjalankan perniagaan hendaklah datang dari Koperasi atau pendeposit luaran secara usahasama.
 - (b) Sekiranya perlu modal bolehlah disumbangkan oleh anggota Koperasi secara Simpanan Khas mengikut peruntukan undang-undang kecil Koperasi.
 - (c) Sumbangan modal atau simpanan oleh Koperasi, anggota Koperasi atau pihak luar untuk tujuan ini akan dimasukkan ke dalam satu dana khas yang dinamakan Dana Khas Ar Rahnu.
 - (d) Simpanan Khas ini diterima berlandaskan hukum Al Mudharabah.
 - (e) Konsep dan operasi Al Mudharabah adalah seperti yang ditetapkan dalam JADUAL 1 kepada aturan ini.

AKAUN

21. *Hal Ehwal* akaun Dana Ar Rahnu adalah seperti berikut:-
- (a) Dana Ar Rahnu akan diuruskan melalui satu akaun bank yang khusus.
 - (b) Segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan Ar Rahnu hendaklah dibayar dari akaun ini.
 - (c) Akaun bank bagi Dana Ar Rahnu akan diuruskan oleh orang yang diberi kuasa oleh Jawatankuasa Ar Rahnu.

TAHUN KEWANGAN

22. Tahun kewangan bagi Dana Ar Rahnu hendaklah mengikut tahun kewangan bagi Koperasi.

AUDIT

23. Pengauditan Dana Ar Rahnu adalah seperti berikut:-
- Pengauditan akaun tahunan Dana Ar Rahnu hendaklah dibuat oleh Juruaudit yang dilantik oleh Lembaga.
 - Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi diberi tanggungjawab memeriksa segala rekod dan perakaunan Dana Ar Rahnu tersebut.

PENGAGIHAN KEUNTUNGAN

24. Pengagihan untung bersih yang diperolehi dari Ar Rahnu akan dibahagikan kepada Koperasi atau anggota Koperasi atau pihak luar yang membuat Simpanan Khas sebagai dividen berdasarkan amaun yang disumbang sebagai Simpanan Khas mereka.

IMPLIKASI

25. Aturan ini dibuat hanya untuk tujuan mengendalikankan operasi Ar Rahnu. Anggota Koperasi adalah diangapkan memahami segala implikasi yang timbul dari *pelaksanaan* dan penguatkuasaan peraturan ini.

NOTIS

26. Semua notis berkaitan akan dihantar oleh Koperasi kepada alamat terakhir ~~pemajak gadai~~ pelanggan seperti tercatat dalam Surat Gadaian. Adalah menjadi tanggungjawab ~~pemajak gadai~~ pelanggan untuk memaklumkan sebarang perubahan alamat dengan segera kepada Koperasi.

PENAMA

27. Jika berlaku kematian ~~pemajak gadai~~ pelanggan, barang gadaian yang ditebus atau lebihanelongan akan diserahkan kepada penama yang dinyatakan oleh ~~pemajak gadai~~ pelanggan.

PENAMA

28. (1) Aturan ini hendaklah dibaca bersekali dengan undang-undang kecil Koperasi ini dan Akta serta Peraturan-peraturan.
- (2) Lembaga Koperasi ini dengan persetujuan Suruhanjaya bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan Ar Rahnu ini

(.....)

Pengerusi

(.....)

Anggota Lembaga

(.....)

Anggota Lembaga